Ciri-ciri personaliti individu yang mempunyai persekitaran sosial ialah suka bersosial, bertanggungjawab, suka membantu berkawan, idealistik, memberi kerjasama dan murah hati. Kecekapan individu sosial adalah memanipulasi orang lain dengan tujuan untuk memberitahu, melatih, menyembuh atau memberi ilham. Mereka gemar persekitaran kerja yang mempunyai ramai orang, berinteraksi dan membantu orang yang memerlukan bantuan. Contoh pekerjaan yang sesuai ialah guru sekolah, kaunselor, ahli psikologi klinikal, pegawai kebajikan pekerja-pekerja sukarela.

1.9.2.5 Enterprising

Ciri-ciri personaliti bagi individu yang mempunyai persekitaran Enterprising ialah bersungguh-sungguh, cergas, suka menonjol diri, suka bercakap dan bersosial, bebas serta bercita-cita tinggi. Mereka mempunyai kecekapan dalam memanipulasi orang lain untuk mencapai matlamat organisasi dan keuntungan ekonomi. Bentuk persekitaran pekerjaan Enterprising seperti syarikat perniagaan, syarikat insuran dan tempat menjual kereta. Contoh pekerjaan ialah pegawai penilai, pengurus, pegawai pemasaran, jurujual dan penerbit.

1.9.2.6 Konvensional

Ciri-ciri personaliti individu yang mempunyai persekitaran Konvensional ialah praktikal, tekun, cekap, patuh, bersungguh dan teliti, tidak berkhayal. Bersifat sistematik dan tersusun. Individu ini cekap dalam melakukan pekerjaan pengkeranian, pengiraan dan perniagaan. Persekitaran pekerjaan yang sesuai ialah bank, firma kauntan bilik menyimpan fail dan syarikat kredit. Contoh pekerjaan yang sesuai ialah pemeriksaan akuanan juruaudit, pegawai perangkaan, jurutrengkas mahkamah dan perancang belanjawan.

1.10 Kesimpulan

Pengkaji telah menerangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan definisi konsep dalam kajian. Justeru, kajian ini adalah untuk melihat hubungan keserasian pola personaliti-persekitaran dan kepuasan kerja di kalangan enam kerjaya keagamaan yang terpilih. Kajian ini juga adalah untuk menghasilkan kod tiga huruf kerjaya keagamaan terpilih.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, penyelidik akan membincangkan teori yang berkaitan dengan kajian sebagai panduan dan rujukan. Selain itu, penyelidik juga akan membincangkan tentang kajian-kajian lepas berkaitan dengan pola personaliti-persekitaran dan hubungannya dengan kepuasan kerja samada kajian yang dilakukan di dalam negeri mahu pun di luar negeri. Aspek-aspek yang akan dibincangkan dalam bab ini ialah :

1. Bidang tugas Peguam Syar'ie, Pegawai Tadbir Agama dan Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk, Pegawai Hal Ehwal Islam dan Penolong Pegawai Hal Islam, Pembantu Hal Ehwal Islam dan Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam serta Guru Agama.
2. Kerangka Teoritikal
3. Teori Kepuasan Kerja
4. Teori Pemilihan Pekerjaan (Vokasional)
5. Kajian mengenai pola personaliti dan kepuasan kerja di luar negeri.
6. Kajian mengenai pola personaliti dan kepuasan kerja di dalam negeri.

2.2 Bidang Tugas

2.2.1 Peguam Syarie

Peguam Syarie merupakan kerjaya profesional persendirian. Kebanyakan mereka menubuhkan syarikat guaman sendiri. Namun begitu, peguam syarie akan mendapatkan tauliah dan berdaftar di bawah Bahagian Undang-undang Syara' Negeri Johor. Peguam syarie bertugas di Jabatan Kehakiman dan Mahkamah di seluruh negeri Johor. Mereka bertanggungjawab berhujjah di hadapan hakim bagi meyakinkan hakim untuk memutuskan hukuman terhadap kes yang dibicarakan. Peguam akan menfailkan kes secara tersusun. Mereka akan mencari fakta-fakta berkaitan kes untuk mengukuhkan hujjah mereka. Secara tidak langsung mereka akan menjalankan misi dan visi Jabatan Kehakiman untuk memartabatkan hukum syarak dan undang-undang Syariah Islam di Negeri Johor.

Misi Penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor ialah melaksanakan pengadilan, pengurusan mahkamah dan perkhidmatan sokongan secara profesional, berkesan dan sistematik berasaskan peruntukan Undang-undang Islam yang seragam untuk mencapai keredhaan Allah. Manakala visi Jabatan Kehakiman Syariah adalah untuk menjadi institusi kehakiman Syariah yang berwibawa. Selain itu antara objektif penubuhannya ialah :

- (a) Menyegerakan pengendalian kes-kes Syariah dengan adil, teratur dan berkesan.
- (b) Mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai dan kakitangan dari aspek perundangan dan pengurusan.
- (c) Menyediakan dan mempertingkatkan penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dalam pentadbiran.

(d) Menyediakan dan mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur yang terbaik dan mencukupi

Di samping itu, jabatan ini berfungsi untuk menerima, mendengar dan memutuskan kes-kes yang dibawa ke Mahkamah Syariah mengikut Hukum Syarak dan peruntukan Undang-undang. Selain itu, jabatan ini juga berfungsi memutus, menguatkuasa dan melaksanakan perintah berasaskan Hukum Syara' dan undang-undang bertulis. Seterusnya jabatan ini akan menerima, mendengar dan memutuskan kes-kes rayuan syariah secara teratur dan berkesan. Di samping itu jabatan ini memainkan peranan untuk menerima, mendengar dan memutuskan permohonan pembahagian Harta Pusaka. Akhirnya jabatan ini meletakkan fungsi untuk membangunkan sumber manusia yang terlatih dan mencukupi.

http://www.johordt.gov.my/syariah/Profil_Matlamat.htm

<http://www.johordt.gov.my/syariah/>

2.2.2 Pegawai Tadbir Agama (Khadi) dan Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk (Naib Khadi)

Secara umumnya tanggungjawab dan bidang tugas Pegawai Tadbir Agama (khadi) adalah seperti berikut :

1. Bertanggungjawab kepada Pengarah Jabatan Agama Islam Johor dalam semua urusan pentadbiran Hal Ehwal Islam peringkat Daerah.
2. Bertanggungjawab merancang, mengawas, mengatur serta melaksanakan semua tugas yang diamanahkan kepada semua pegawai dan kakitangan di bawah kawalannya.
3. Bertanggungjawab selaku tempat rujukan segala masalah yang berkaitan dengan Hal Ehwal Islam terhadap orang-orang di daerah terutamanya di dalam masalah rumah tangga, kekeluargaan dan harta pusaka.
4. Bertanggungjawab Hal Ehwal wakaf.

5. Bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran zakat dan fitrah.
6. Bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran Baitulmal.
7. Bertanggungjawab dalam hal ehwal pentadbiran dakwah dan kebajikan saudara baru.
8. Bertanggungjawab menyediakan belanjawan tahunan bagi pejabat dan anggota di daerahnya dan menyerahkan kepada Pengarah Jabatan Agama Islam Johor.
9. Bertanggungjawab dalam hal ehwal tata tertib dan disiplin semua pegawai dan kakitangan yang dibawah kawalannya di peringkat daerah.
10. Bertanggungjawab menjalankan tugas selaku pegawai Perhubungan dan Jurucakap bagi pihak Jabatan Agama Islam Johor dalam perkara-perkara di bawah bidang kuasanya di peringkat daerah.
11. Bertanggungjawab selaku ketua perunding dalam menyelesaikan atau mengatasi segala masalah yang dialami oleh saudara baru dan hal ehwal kebajikan serta pendidikan mereka.
12. Bertanggungjawab dalam hal ehwal mengurus semua tauliah atau surat kebenaran yang dikeluarkan diperingkat daerah.
13. Bertanggungjawab menjadi pengerusi lembaga peperiksaan dan temuduga mendapatkan tauliah imam masjid, surau, kebenaran mengajar, berceramah, bersyarah, menyembelih haiwan, amil-amil zakat fitrah.
14. Bertanggungjawab dalam urusan-urusan kebajikan orang-orang Islam di daerahnya.

15. Bertanggungjawab atas urusan pentadbiran dan kegiatan –kegiatan memakmurkan masjid dan surau di daerahnya.
16. Bertanggungjawab dalam hal ehwal pentadbiran tanah-tanah perkuburan dari segi kebersihan dan keselamatan.
17. Bertanggungjawab dalam urusan pendaftaran nikah, cerai dan rujuk orang-orang Islam.
18. Bertanggungjawab dalam mengawal, mengurus dan mentadbir hal ehwal pejabat Agama Islam daerah.
19. Bertanggungjawab mengenai segala urusan fatwa bagi dirujuk ke peringkat Lujnah Fatwa Negeri.
20. Bertanggungjawab dalam urusan pencegahan, penguatkuasaan, dan operasi mengikut kehendak enakmen kanun prosidur jenayah syariah dan kesalahan jenayah syariah 1997.
21. Bertanggungjawab pada mengawal dan memelihara keselamatan semua harta benda kerajaan dan Majlis Agama Islam Johor sama ada harta alih atau harta tak alih yang dibawah kawalannya.
22. Bertanggungjawab pada mengesahkan segala tuntutan atau rayuan apa-apa perkara mengikut anekmen pentadbiran agama Islam Johor 2003(EN. 16/2003) dan anekmen undang-undang keluarga Islam 2003 (EN.17/2003).
23. Bertanggungjawab membuat penilaian kerja-kerja semua pegawai dan kakitangan di bawahnya dalam urusan kenaikan pangkat dan kenaikan gaji.
24. Bertanggungjawab bagi menjadi ketua pegawai penyelarar kegiatan Agama Islam di peringkat daerahnya.

25. Bertanggungjawab dalam urusan perakuan memeluk Islam bagi seseorang yang bermastautin di daerahnya.
26. Melaksanakan kerja-kerja rasmi yang diarahkan dari masa ke semasa.

2.2.2.1 Diskripsi tugas Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk (S27) ialah :

1. Bertanggungjawab kepada Pegawai Tadbir Agama Daerah dan PNCR di dalam membantu semua urusan yang berkaitan dengan nikah, cerai dan rujuk di daerah.
2. Bertanggungjawab membantu merancang, mengatur dan melaksanakan semua tugas yang diamanahkan sebagai ketua kepada semua pegawai dan kakitangan di Bahagian Undang-undang Syarak.
3. Bertanggungjawab membantu, mengawas dan menyelia semua juru nikah semua di dalam daerah.
4. Bertanggungjawab membantu mengawal dan menyelia rekod-rekod daftar nikah, cerai dan rujuk daerah.
5. Bertanggungjawab membantu menyelia semua permohonan nikah dan rujuk bagi diberi kebenaran atau dirujuk kepada pihak-pihak yang berkenaan.
6. Bertanggungjawab membantu memajukan kepada Ketua Penolong Pengarah undang-undang syarak melalui pegawai tadbir agama daerah segala rekod dan daftar nikah, cerai dan rujuk daerah.
7. Bertanggungjawab membantu memajukan kepada Ketua Penolong Pengarah undang-undang syarak atau Mahkamah Syariah sebagai Prosedur yang memerlukan tindakan sedemikian.

2.2.3 Pegawai Hal Ehwal Islam dan Penolong Pegawai Hal Islam

Pegawai dan Penolong Hal Ehwal Islam menjalankan tugas berdasarkan tempat bertugas masing-masing. Pejabat Agama Islam Negeri Johor mempunyai beberapa bahagian iaitu Bahagian Pendidikan, Bahagian Pentadbiran, Bahagian Undang-undang Keluarga, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Ta'mir, Bahagian Undang-undang Syarak, dan Bahagian Zakat. Justeru, tugas mereka adalah berdasarkan tempat mereka bertugas mengikut bahagian-bahagian tertentu. Di antara tugas –tugas Pegawai Hal Ehwal Islam ialah :

1. Membaca doa dan mengetuai upacara-upacara keagamaan dalam majlis rasmi.
2. Menyelia staf yang terdiri daripada penolong pegawai Hal Ehwal Islam, Imam dan Bilal termasuk menentukan tugas dan tanggungjawab mereka, menyediakan laporan prestasi tahunan meliputi SKT.
3. Mengurus dan menyelia jadual giliran imam dan bilal dan khatib.
4. Menyelaras program-program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan seperti majlis-majlis kebesaran Islam, kelas-kelas, kursus-kursus dan kuliah-kuliah.
5. menguruskan urusan kebajikan saudara kita merangkumi perkara-perkara seperti bantuan kewangan dan berkhatan, kelas bimbingan fardhu ain dan sebagainya.
6. Memberi khidmat nasihat agama kepada masyarakat umum yang memerlukan.
7. Menjalankan tugas-tugas lain yang di arahkan dari masa ke semasa.

Diskripsi tugas Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam adalah membantu pegawai-pegawai yang berada di atasnya menjalankan tugas-tugas yang telah diamanahkan. Antaranya ialah :

1. Membantu mengurus dan menyelia jadual giliran imam dan bilal dan khatib.
2. Membantu menjalankan program-program dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan seperti majlis-majlis kebesaran Islam, kelas-kelas, kursus-kursus dan kuliah-kuliah.
3. Membantu menguruskan urusan kebajikan saudara kita merangkumi perkara-perkara seperti bantuan kewangan dan berkhatan, kelas bimbingan fardhu ain dan sebagainya.
4. Membantu memberikan khidmat nasihat agama kepada masyarakat umum yang memerlukan.
5. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari masa ke semasa.

2.2.3.1 Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam, S17)

1. Menjadi Imam rawatib, solat fardhu, solat Jumaat, Solat Tarawikh, Solat Hari Raya, Solat Sunat / Qiamulail dan lain-lain.
2. Mengadakan majlis zikir, membaca al-Quran, majlis doa dan tahlil dan yang berkaitan dengannya.
3. Membaca Khutbah.

4. Membantu pengurusan berkaitan kebersihan dan keceriaan, peralatan, dan pelaksanaan program masjid.
5. Bertanggungjawab mengurus jenazah.
6. Bertanggungjawab mengurus dan mengiringi jenazah sehingga selesai majlis pengkebumian.
7. Membantu pungutan kewangan masjid.
8. Membantu membuat pungutan zakat fitrah dan harta serta pelaksanaan kulian dan kelas.
9. Membantu dalam pengurusan ibadah akikah, korban dan lain-lain.
10. Mengendalikan kursus al-Quran, tahfiz, kursus dan kelas fardhu ain dan yang berkaitan dengannya.
11. Membantu menjayakan setiap aktiviti masjid.
12. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari masa ke semasa.

2.2.3.2 Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam (Bilal, S11)

Bidang tugas Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam ialah :

1. Azan setiap waktu sembahyang mengikut giliran.
2. Menyediakan keperluan sebelum sembahyang seperti sejadah, pembesar suara dan berada di saf hadapan ketika sembahyang.
3. Menjalankan kerja-kerja imam semasa ketiadaannya.

4. Membantu menjayakan setiap aktiviti masjid.
5. Membantu memastikan kebersihan dan keceriaan masjid.
6. Mengurus dan mengiringi jenazah sehingga selesai majlis pengkebumian.
7. Mengurus jenazah.
8. Membaca doa dan tahlil di majlis rasmi.
9. membantu menguruskan barang-barang hilang yang diamanahkan kepada urusetia masjid.
10. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari masa ke semasa.

2.2.4 Guru Agama

Guru agama bertugas di sekolah-sekolah agama di bawah Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Tanggungjawab dan diskripsi tugas adalah mengajar mata pelajaran agama seperti Tauhid, Ibadat, Akhlak, Munakahat, Bahasa Arab, al-Quran dan Tajwid. Selain itu mereka juga diamanahkan untuk menjalankan tugas-tugas pentadbiran sekolah agar menjadi lebih tersusun dan sistematik. Mereka juga bertanggungjawab memastikan kebersihan dan keceriaan sekolah sentiasa terjamin untuk kemudahan dan keselesaan pelajar. Guru-guru agama juga mempunyai hubungan kerjasama dengan Jabatan Agama Islam Johor. Mereka juga perlu menjalankan tugas-tugas lain mengikut arahan dari semasa ke semasa.

2.3 Teori Tipologi Holland

Kajian ini menggunakan Teori Tipologi Kerjaya Holland (1968, 1973, 1978, 1985) yang telah diasaskan oleh John L. Holland pada tahun 1959. Teori ini telah dikemaskini pada tahun 1966, 1973, 1978, 1985 dan 1996. Pemilihan teori ini sebagai asas kajian pola personaliti-persekitaran disebabkan oleh teori ini mudah difahami dan boleh diuji secara empirikal mengikut kesesuaian individu dan persekitaran (Holland dan Raymon, 1986). Teori ini mempunyai tiga keperluan komponen utama iaitu individu, persekitaran dan keserasian antara individu dan persekitaran.

Pemilihan kerjaya seseorang individu adalah berdasarkan personaliti dan beberapa angkubah lain yang terdapat pada latar belakang pekerjaan itu (Holland, 1973). Asas yang digunakan dalam teori ini ialah :

1. Pemilihan kerjaya adalah berdasarkan ekspresi personaliti individu di samping identifikasi dengan streotaip pekerjaan secara spesifik.
2. Minat seseorang itu lahir daripada personalitinya.
3. Individu daripada jenis pekerjaan yang sama mempunyai persamaan dari segi pola personalitinya.
4. Keselarasan antara personaliti dan persekitaran akan meningkatkan prestasi kerja, pencapaian, kestabilan dan kepuasan kerja.

]

Jelasnya, teori Tipologi Kerjaya Holland (1973, 1985, 1996) mengutarakan empat andaian asas yang menjadi nadi dan teras kepada teori ini. Empat andaian asas itu ialah :

1. Dalam budaya orang Amerika Syarikat, hampir semua individu boleh dikategorikan dalam salah satu daripada enam jenis personality iaitu Realistik (R) , Invesigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), Enterprising (E) dan Konvensional (C). Menurut Holland (1973), setiap personaliti itu terhasil daripada cirri-ciri interaksi antara pelbagai kebudayaan, keturunan dan desakan individu termasuklah rakan sebaya, kelas sosial, budaya dan persekitaran fizikal. Situasi yang demikian akan menimbulkan minat di kalangan individu.
2. Terdapat enam jenis persekitaran pekerjaan yang menyokong personaliti individu dan didominasi oleh jenis personaliti tertentu iaitu Realistik (R),Investigatif (I) Artistik (A), Sosial (S), Enterprising (E) dan Convensional (C). Ringkasan bagi enam jenis persekitaran pekerjaan ini ialah RIASEC.
3. Individu akan mencari persekitaran atau pekerjaan yang selaras dengan personaliti yang membolehkan mereka menunjukkan kemahiran dan kebolehan serta melahirkan sikap dan nilai di samping berusaha menyelesaikan sebarang masalah dan peranan yang wujud dalam persekitaran tersebut. Menurut Holland (1973), individu akan berasa puas sekiranya dapat menyesuaikan diri dalam persekitaran berkenaan. Misalnya, individu yang mempunyai personaliti Realistik akan berasa puas sekiranya dapat bekerja dalam persekitaran Realistik juga.
4. Selain itu, tingkahlaku seseorang individu boleh ditentukan melalui interaksi antara personaliti dan kriteria-kriteria persekitarannya. Menurut Holland (1973), sekiranya kita mengetahui tentang pola personaliti dan persekitarannya secara tidak lansung kita akan dapat meramalkan beberapa perkara berkaitan pemilihan keraya, pencapaian kerjaya, kecekapan personal, tingkahlaku pendidikan dan sosial serta pertukaran pekerjaan. Semua ini dilakukan dengan menggunkan model persekitaran dan pengetahuan tentang jenis personaliti.

Justeru, andaian ini akan menjadi asas kepada kajian ini bagi melihat kepentingan keserasian personaliti- persekitaran dan hubungannya dengan kepuasan kerja. Menurut Holland (1985), kepuasan dalam pemilihan sesuatu pekerjaan adalah mengikut kesukaan orientasi peribadinya sendiri. Ini bermakna kepuasan dalam pekerjaan akan tercapai apabila individu memilih sesuatu kerjaya selaras dengan personaliti dan persekitarannya. Kepuasan akan tercapai apabila seseorang individu itu mewujudkan satu orientasi pekerjaan yang kukuh. Tetapi, sekiranya orientasi pekerjaan yang dibina berbelah-bahagi kemungkinan kepuasan yang dicapainya akan berkurangan.

Jelasnya, konsep utama disebalik model persekitaran Holland adalah seseorang individu itu lebih tertarik kepada peranan yang diperlukan dalam persekitaran pekerjaan. Seterusnya mereka akan mengisi pekerjaan yang dapat memenuhi keperluan mereka sendiri. Contohnya, seseorang individu yang berorientasikan sosial akan cenderung bekerja dalam persekitaran pekerjaan yang membolehkannya berinteraksi dengan orang lain, membantu orang yang memerlukan bantuan dan sebagainya. Contoh kerjaya yang mempunyai tahap sosial yang tinggi ialah guru, anggota polis dan sebagainya. Berbeza pula dengan individu yang mempunyai orientasi Investigatif mereka lebih cenderung dengan persekitaran pekerjaan yang kurang melibatkan interaksi social dan lebih cenderung suasana penyelidikan di dalam makmal. Justeru, pilihan sedemikian dianggap kongruen dengan personaliti individu. Pekerjaan yang memenuhi kesamaan dengan personaliti diri akan dapat memenuhi kepuasan sendiri (*self fulfillment*) dan biasanya konsisten dalam corak kerjaya. Selain itu, seseorang itu juga dapat memperkembangkan bakat dan potensi dalam dirinya ke tahap yang lebih maksimum untuk mencapai kerjaya yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Keserasian dalam pekerjaan akan meningkatkan produktiviti. Seseorang itu akan kekal dalam pekerjaan yang dilakukan dalam tempoh yang lama dan mencapai tahap kepuasan kerja. Walaupun Holland tidak menunjukkan sebarang kaitan antara kepuasan dengan produktiviti namun teori-teori keperluan yang lain seperti Teori Abraham Maslow mengandaikan bahawa kepuasan adalah ganjaran instrinsik yang

mempengaruhi tingkah laku secara positif dan mempunyai kaitan dengan peningkatan produktiviti.

Ketepatan seseorang itu membuat pilihan kerjaya dan kepuasan kerja adalah berhubungkait dengan pengetahuan tentang dirinya dalam pekerjaan yang sedang dilakukannya. Jelasnya, jika sesuatu idea atau pengetahuan tentang persekitaran kerja masih samara-samar maka sukarlah seseorang individu hendak memilih pekerjaan yang bersesuaian dengan dirinya. Hal ini menyebabkan satu konflik nilai sendiri dalam peringkat yang dipilih mungkin wujud. Menyedari hakikat ini, seseorang individu seharusnya mengenali ciri-ciri personaliti diri agar selaras dengan ciri-ciri pekerjaan kerana ia dikaitkan dengan aspek motivasi, kepuasan, stabiliti dan produktiviti dalam pekerjaan.


Holland (1973) menjelaskan bahawa personaliti boleh disusun menggunakan kombinasi yang dominan. Contohnya, kod RIA merujuk kepada individu yang mempunyai banyak ciri-ciri pekerjaan Realistik, Investigatif dan Artistik. Menurut Herr dan Cramer (1988), Holland telah mengklasifikasikan sebanyak 456 jenis pekerjaan berdasarkan kod tiga huruf Holland. Contohnya, dua jenis pekerjaan yang tersenarai di bawah kod RIA ialah *architectural draftsman* dan *dental technician*. Klasifikasi pekerjaan Holland atau lebih dikenali dengan *Occupational Classification* (HOC) mempunyai hubungan dengan kamus tajuk. Tajuk-tajuk pekerjaan atau *Dictionary Of Occupation Titles (DOT)*. Juseru, individu yang mempunyai kod RIA perlu meneroka dua jenis pekerjaan tersebut dengan menggunakan DOT atau rujukan lain yang bertepatan.

Hubungan antara jenis personality menurut Holland boleh dilihat dalam rajah 2.1 iaitu Model Heksagon Holland yang menjelaskan hubungan antara jenis personaliti dan persekitaran secara koefisyen dan kolerasi, kategori yang berdekatan dengan heksagon seperti Realistik dan Investigatif mempunyai ciri-ciri kesamaan serta kolerasi positif yang tinggi berbanding Artistik dan Konvensional yang bertentangan, kurang persamaan serta kolerasi yang agak rendah. Cole, Whines dan

Holland (1971) telah menunjukkan bahawa model Heksagon Holland ini boleh digunakan untuk membantu individu merancang sesuatu pekerjaan dengan berkesan di samping membentuk inventori minat, kemahiran dan aktiviti.

Holland memperkenalkan Model Heksagon untuk menjelaskan perhubungan psikologikal antara individu-individu daripada pelbagai jenis personaliti. Hal ini disebabkan Holland percaya terdapat persamaan dari segi psikologikal antara jenis-jenis personaliti dan jenis persekitaran kerja.

Rajah 2.1 menjelaskan bahawa semakin jauh jarak antara dua jenis personaliti, maka semakin jauh keserupaan psikologikalnya. Contohnya, jarak R dan S ($r = 0.16$ lebih jauh berbanding dengan jarak R dengan I ($r = 0.46$). Ini bermakna jenis personaliti R dan I lebih banyak keserupaan psikologikalnya. Keadaan yang paling ideal berlaku apabila kongruen, iaitu jenis personaliti sama dengan persekitarannya. Contohnya, jenis personaliti R dengan persekitaran R ($r = 1.0$). Ringkasnya semakin tinggi darjah kolerasi antara jenis-jenis personaliti tersebut maka dikatakan semakin kongruen.



Rajah 2.1 Menunjukkan Hubungan Tersebut.

Rajah 2.1 : Model Heksagon Holland untuk mentakrifkan perhubungan psikologikal di antara individu-individu daripada pelbagai jenis personaliti.

Sumber : Holland, J.L., Whitney, D.r., dalam Holland, J.L Making Vocational Choice : A Theory or Careers. Englewood Cliffs, new Jersey : Prentice – Hall. Inc. 1973.

Model Heksagonal Holland telah memperkenalkan 5 andaian sekunder, iaitu:

1. Konsisten (consistency)

Merupakan darjah pertalian yang berkaitan antara personaliti dan persekitaran. Darjah pertalian tersebut diandaikan boleh mempengaruhi keutamaan bagi setiap individu dalam membuat pemilihan kerjaya. Ada antaranya yang mempunyai lebih banyak persamaan berbanding yang lain. Dalam diri seseorang individu, terdapat beberapa pasang jenis personaliti dan model persekitaran yang berdekatan antara satu sama lain. Contohnya, jenis Artistik dan Sosial mempunyai lebih banyak persamaan berbanding jenis Investigatif dan Enterprising. Individu akan mengalami konsistensi yang lebih tinggi apabila sesuatu jenis personaliti itu semakin hampir di atas

heksagon serta menggabungkan kod-kod seperti ESA/RIC. Manakala individu kurang konsistensi jika dilihat mempunyai gabungan kod RAE dan CAS. Darjah konsistensi boleh memberikan kesan terhadap pemilihan kerjaya seseorang individu. Tahap konsistensi tersebut boleh dilihat dengan lebih jelas melalui jadual di bawah.

Jadual 2.1 : Tahap-tahap Ketekalan Pola Personaliti


Tahap ketekalan	Pola-pola personaliti
Tinggi	RI, RC, IR, IA, AI, AS, SA, SE, ES, CE, EC, dan CR
Sederhana	RA, RE, IS, IC, AR, AE, SI SC, EA, ER, CS dan CI
Rendah	RS, IE, AC, SR, EI, dan CA

Sumber : Holland, J.L., Making Of Vocational Choice : A Theory of Vocational Personality and Work Environment : (Edisi Kedua) Englewood Cliffs, New Jersey : Prentice – Hall. Inc. 1985.

2. Perbezaan (Differentiation)

Menurut Gysbers et al. (2003), perbezaan membantu individu memperhalusi atau meminda jangkaan mengenai tingkah laku vokasioanal. Individu yang sangat sesuai dengan personaliti tertentu akan melahirkan sedikit kesamaan dengan personaliti lain. Individu yang sesuai dan beberapa jenis personaliti pula mempunyai definisi personaliti yang lemah serta dianggap sebagai tidak dapat membezakan personaliti. Dengan maksud lain, semakin menonjol sesuatu personaliti dengan jenis persekitaran, maka semakin berbeza personaliti tersebut (Holland;1973).

Realistik Investigaif Artistik Sosial Enterprising
Convensional



Jadual 2.2: Jenis-jenis Personaliti Yang Serupa Dengan Darjah Perbezaan Yang Berbeza

Petunjuk _____ IASECR: Perbezaan = 13

----- IASECR: Perbezaan = 8

Sumber : Skala Skor Vocational Preference Inventory (Holland, 1973)

3. Identity (Identity)

Identiti merujuk kepada individu yang mempunyai gambaran yang jelas dan stabil tentang matlamat, minat, dan bakat yang dimilikinya. Dalam kes persekitaran, identiti merujuk kepada darjah kestabilan, kejelasan dan intergrasi antara matlamat, tugas dan ganjaran contohnya, kerendahan identiti disebabkan individu mempunyai banyak matlamat kerjaya.

4. Kongruen (Congruence)

Kongruen merupakan kesesuaian antara jenis personaliti individu dengan persekitaran yang berbeza. Contohnya, personaliti jenis sosial cenderung kepada persekitaran yang memberi peluang kepada interaksi sosial, peka masalah sosial serta berminat dengan aktiviti pendidikan. Manakala kongruen tidak terbentuk apabila, individu Realistik berada dalam persekitaran sosial. Keadaan ini menjejaskan kebolehan dan minat individu dalam pekerjaannya.

5. Kaedah pengiraan Matematik (Calculus)

Kalkulus menggambarkan perhubungan di dalam dan di antara jenis personaliti dan persekitaran. Perhubungan di antara jenis personaliti boleh dilihat dengan lebih jelas dalam rajah 1. Dalam rajah 1, setiap jenis personaliti diletakkan di tempat tertentu di heksagon dan ianya bermula dengan Realistik diikuti dengan Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising, dan terakhir ialah Convensional. Jika diletakkan secara berurutan, ianya membentuk RIASEC.

Pengujian lanjutan Teori Holland menyarankan bahawa bentuk kajiannya adalah sah (Osipow 1983, Assoulin dan Meir 1987, Spokane 1987, Latone 1989). Kesimpulan, Holland (1973:1985) sentiasa menegaskan bahawa terdapat hubungan psikologikal yang rapat antara jenis personaliti dan jenis persekitaran yang mendorong kepada kestabilan dan kepuasan kerja. Justeru, Holland (1973:1985) turut mengandaikan bahawa keserasian kerjaya yang tinggi akan mempunyai hubungan rapat dengan motivasi tinggi dan pencapaian akademik yang cemerlang.

Selain itu, Holland (1973) juga turut mengemukakan kaedah pengukuran jenis-jenis personaliti sebagai panduan. Dua kaedah yang dikemukakan ialah :

i. Kaedah Kualitatif

Seseorang individu itu mungkin akan menyatakan kerjaya yang ingin diceburinya atau memilih kerjaya yang mempunyai ciri-ciri jenis personaliti tertentu. Contohnya, seseorang yang ingin menjadi pelukis dan pengarang drama dan lagu maka individu ini cenderung kepada personaliti jenis Artistik (A) dan tergolong dalam personaliti jenis (A).

ii. Kaedah Kuantitatif

Melalui kaedah ini, jenis-jenis personaliti diukur berdasarkan markah yang diperolehi dalam skala-skala VPI, SDS dan SDS-E. Skala-skala yang terdapat dalam VPI, SDS dan SDS-E seperti Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional menyediakan satu tatacara yang mudah untuk mengukur jenis personaliti individu. Semua skala tersebut diberi markah disusun mengikut kedudukan tertinggi dan seterusnya bagi membentuk profil personaliti. Semakin tinggi markah yang diperolehi oleh seseorang itu, maka semakin hamper keserupaannya dengan jenis personaliti yang mewakili skala tersebut. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui jadual 2.3.

Jadual 2.3 : Kod Skala Inventori, Minat Untuk Jenis Pola Personaliti Holland

Subjek	Realistik	Investigatif	Artistik	Sosial	Enterprising	Konvensional	Pola Personaliti
A	4	8	8	13	14	12	ESC
B	9	2	2	3	6	5	REC
C	1	10	10	7	6	2	ASE / ISE

Sumber : Holland, J.L. Making Vocational Choices : A Theory Of Vocational Personality and Work Environment (Edisi Kedua). Englewood Cliffs, New Jersey : Prentice- Hall, Inc. 1985.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan dalam Teori Holland, maka dapat dikatakan bahawa terdapat empat andaian penting teori tersebut :

- i) Personaliti individu dikategorikan kepada enam iaitu Realistik (R) , Investigatif (I) , Artistik (A) , Sosial (S) , Enterprising (E) dan Conventional (C) .
- ii) Terdapat enam jenis personality persekitaran iaitu Realistik (R) , Investigatif (I) , Artistik (A) , Sosial (S) , Enterprising (E) dan Conventional (C) .
- iii) Tiap-tiap individu yang mempunyai jenis personaliti seperti yang disebut dalam perenggan (i) di atas, akan mencari persekitaran yang sama dan membolehkan mereka menggunakan kemahiran dan kemampuan yang ada.
- iv) Tingkahlaku individu ditentukan oleh interaksi antara jenis personaliti dengan persekitaran.

Kesimpulannya, Teori Kerjaya Holland mementingkan aspek jenis personaliti dengan pemilihan kerjaya seseorang individu. Berkaitan dengan kerjaya keagamaan Holland tidak menjelaskan kerana tiada kajian pernah dibuat tentang kerjaya keagamaan. Kajian yang dilakukan ini adalah kajian yang pertama.

2.4 Jenis-jenis Teori Kepuasan Kerja

2.4.1 Teori Kepuasan Kerja

Edwin A.L (1979), mendefinisikan kepuasan kerja sebagai perasaan yang diperolehi daripada sesuatu tugas sebagai menepati nilai kerja yang selaras dengan keperluan individu. Definisi ini mungkin sama dengan teori keperluan manusia oleh Maslow dan juga teori dua factor Herzberg. Jika kita lihat kembali teori Maslow, terdapat lima hierarki keperluan manusia yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu keperluan fisiologi dan keperluan psikologi. Keperluan fisiologi termasuklah keperluan makan minum, keselamatan iaitu bebas daripada ancaman fizikal dan jaminan kerja. Sementara itu, keperluan psikologi ialah keperluan kasih-sayang seperti ingin menjadi ahli organisasi secara formal dan tidak formal, keperluan bangga diri (terbahagi kepada dua), iaitu untuk mendapatkan kepakaran dan kejayaan dalam kerja, dan untuk mendapatkan pengiktirafan dari orang lain. Akhirnya mencapai keperluan penyempurnaan sendiri untuk memperolehi kesempurnaan dalam semua aspek.

Keperluan fisiologi mudah dipuaskan asalkan pekerja itu disediakan dengan gaji yang cukup dan kerja yang terjamin. Tetapi keperluan psikologi ini sukar untuk dipuaskan. Setiap individu memerlukan sesuatu yang berbeza-beza. Justeru, sebab ini menjadikan strategi motivasi Maslow sukar untuk digunakan. Jelasnya, tidak terdapat strategi atau polisi yang boleh digunakan untuk memenuhi keperluan psikologi. Setiap

individu akan sentiasa bergerak menuju ke kemuncak hirarki untuk memuaskan tahap keperluannya. Contohnya, kepuasan kerja guru –guru sekolah selalunya dipengaruhi oleh berbagai-bagai faktor. Menurut Luch dan Ronan (dalam Martin 1977, 1981) secara amnya menyokong bahawa kepuasan kerja dapat ditingkatkan dengan gaji yang lebih tinggi, hubungan dengan rakan sekerja yang lebih rapat dan peluang kenaikan pangkat yang lebih adil. Sebaliknya pengurangan kepuasan bekerja berlaku apabila pekerjaan menjadi sangat rutin dan memerlukan banyak penumpuan.

Herzberg (1959) pula menyatakan kepuasan dan tiada kepuasan tidak semestinya berlawanan kerana peruntukan untuk beberapa keistimewaan kerja bukan sahaja berfungsi untuk mengurangkan ketidakpuasan tetapi tidak juga menambah kepuasan.

Secara umumnya seseorang itu akan memperolehi kepuasan terhadap sesuatu bidang kerjaya berdasarkan faktor yang tertentu yang mendorong ke arah tercapai tahap kepuasan kerja secara maksimum.

2.5 Teori Pemilihan Vokasional (Pekerjaan)

2.5.1 Teori Holland

Secara umumnya teori ini dikenali sebagai teori struktur. Holland (1973) menjelaskan bahawa seseorang individu itu tertarik kepada sesuatu pekerjaan dipengaruhi oleh personaliti diri dan beberapa angkubah lain yang terkandung dalam latar belakang pekerjaan itu. Ciri-ciri yang diperkenalkan oleh Holland ialah konsep bahawa orang akan memberikan pandangan mereka terhadap sesuatu pekerjaan berdasarkan bentuk kerja dan pangkat-pangkat yang terdapat di dalam pekerjaan

terbabit. Jelasnya, perbandingan ciri-ciri dengan tanggapan sesebuah pekerjaan dan perasaan menerima atau menolaknya adalah satu penentuan utama dalam pemilihan kerjaya. Selain itu, persamaan pandangan seseorang dengan pilihan pekerjaan melahirkan satu contoh cara tersendiri mengikut pendapat Holland. Orientasi contoh cara yang tersendiri ini adalah satu proses perkembangan pertumbuhan mengikut baka dan sejarah hidup seseorang individu dalam tindakan mengikut keperluan persekitarannya. Prinsip teori Holland adalah seseorang itu memilih satu pekerjaan untuk memenuhi kepuasan mengikut kesukaan orientasi peribadinya sendiri. Sekiranya seseorang individu telah menubuhkan satu orientasi yang kukuh maka lebih besarlah kepuasanyang akan dicapainya mengikut persekitaran pekerjaannya itu. Tetapi sebaliknya jika orientasi yang dibuat itu masih berbelah-bahagi, kemungkinan kepuasan yang dicapainya akan beransur kurang.

Kekukuhan orientasi individu yang telah dikira berbanding dengan persekitaran yang telah dibina menjadi amat kritikal terhadap pemilihan cara hidup seseorang. Contohnya, seseorang individu yang mempunyai kecenderungan kepada kehidupan sosial akan menggemari suasana pekerjaan yang ada kaitan dengan proses tolong bantu kepada orang-orang yang memerlukan pertolongan. Contoh pekerjaan yang terlibat ialah doktor membantu orang sakit, kaunselor membantu berkaitan akademik, sosial dan peribadi dan guru membantu menyebarkan ilmu kepada para pelajar. Selian itu, bagi individu yang cenderung kepada pekerjaan berunsur mekanikal mereka lebih berminat memilih persekitaran pekerjaan yang dapat mengurangkan interaksi dengan orang ramai dan lebih berminat bekerja menggunakan mesin dan jentera dan pelbagai perusahaan lain. Justeru, kita dapat melihat bahawa persamaan pekerjaan dengan kegemaran akan memberikan kepuasan diri dan corak pekerjaan yang tetap. Jika berlaku konflik di antara pekerjaan dan kecenderungan maka akan menimbulkan corak pekerjaan yang tidak tetap serta sukar memperolehi kepuasan kerja.


2.5.2 Interaksi di antara Peringkat Dengan Hirarki Perkembangan

Jelasnya, semasa melaksanakan keputusan hirarki yang telah dibentuk akan mengarah kepada pekerjaan mengikut persekitarannya. Kemahiran dan kebolehan digandingkan dengan pencapaian persamaan orang itu. Seseorang itu akan mudah membuat pilihan pekerjaan sekiranya individu itu jelas dengan kehendak diri dan alam pekerjaan yang hendak diceburinya. Jika kekaburan berlaku maka sukarlah untuk memilih pekerjaan yang terbaik bagi dirinya. Justeru, konflik nilai sendiri akan berlaku.

Kelancaran membuat pemilihan kerjaya yang tepat dipengaruhi oleh hirarki perkembangan. Hirarki perkembangan yang tidak baik akan menggugat pemilihan kerja dan mengubah seseorang kepada pekerjaan yang lain. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi persekitaran ialah keluarga, sumber kewangan, peluang-peluang pendidikan dan sebagainya.

Sekiranya aturan dan faktor yang lain itu konsisten terhadap sesuatu persekitaran pekerjaan, maka pemilihan kerjaya menjadi tidak stabil. Contohnya, seorang jurutera menjadi penyelidik. Hirarkinya realistik, daya usaha yang tinggi (Enterprising, konvensional, artistik dan suka menyelidik. Justeru, berlaku kurang stabil dalam kerja-kerja menyelidik jika dibandingkan dengan kerja seorang jurutera.

Rajah 2.2 Menunjukkan bahawa personaliti seseorang itu sesuai dengan alam sekelilingnya maka hasilnya ialah kepuasan dalam pekerjaan.



Rajah 2.3 Model Heksagon Holland

Holland mencadangkan corak yang tipikal pada hirarki ini terhadap kesan satu-satu persekitaran pekerjaan. Selain daripada kejayaan, terdapat juga kekuatan atau kekukuhan yang boleh memberi sedikit ramalan tentang data mengenai potensi seseorang individu di dalam bidang yang diceburinya. Sekiranya kurang terdapat corak hirarki, maka kurangnya kekuatan terhadap pemilihannya. Seterusnya kurang kukuh pula dari segi perlaksanaannya. Ciri-ciri ini kurang jelas untuk menerangkan kestabilan pemilihan individu.

2.5.3 Pengaruh-pengaruh lain terhadap Pemilihan Kerjaya

Jelasnya, konsep nilai diri adalah salah satu daripada dua angku bah kritikal yang membaeri sumbangan kepada individu. Holland juga telah mengemukakan satu lagi konsep, iaitu pengetahuan sendiri. Secara umumnya kita dapat melihat kedua-duanya samada nilai diri atau pengetahuan sendiri adalah sama. Namun begitu Holland telah memperincikan maksud dan penggunaannya agar seseorang individu dapat membuat pemilihan kerjaya yang lebih tepat. Menurut Holland ramalan bagi ketepatan pemilihan pekerjaan adalah bagi orang yang mempunyai nilai diri yang berasaskan sendiri yang betul. Namun begitu, kepincangan akan berlaku apabila seseorang itu membuat pemilihan kerjaya berasaskan nilai diri tetapi mempunyai pengetahuan sendiri yang lemah.

2.6 Kajian-kajian Lepas

Beberapa pengakaji telah menjalankan kajian yang berkaitan dengan keserasian personaliti-persekitaran dan hubungannya dalam bidang pekerjaan. Namun begitu kajian –kajian lepas hanya melibatkan kerjaya yang bukan berunsur

keagamaan. Kerjaya yang terlibat kebanyakannya terdiri daripada guru-guru, pegawai bank, jururawat, kaunseor dan sebagainya. Bagi memudahkan pemahaman kajian yang dilakukan telah dibahagikan kepada dua iaitu dalam negeri dan dalam negeri.

2.6.1 Kajian Di Luar Negeri

Holland & Holland telah menjalankan kajian untuk menguji keserasian jenis personaliti dan persekitaran pekerjaan atau pengajian yang diikuti oleh sample kajian berdasarkan kepada kod 3 huruf. Pengkaji mengklasifikasikan kod ISA untuk ahli psikologi klinikal, kod SEA untuk teknologi perubatan dan kaunseor berjaya dan kod KRS untuk pekerja bank. Dalam bidang pengajian matematik kod IRA dan iaitu bekejururawatan adalah kod SIA. Dalam kajian beliau SDS dan VPI (Vocational Preference Inventory) digunakan untuk mengukur pola jenis personality. Keputusan kajian menunjukkan 75% daripada sample berada dalam persekitaran pekerjaan atau pengajian yang sesuai dengan personaliti mereka. Misalnya seramai 58% sample kajian terhadap pekerja bidang teknologi perubatan mempunyai kod ISA manakala 44% daripada kaunseor berjaya mempunyai kod SEA iaitu serupa dengan kod pekerjaan yang mereka lakukan. Penemuan ini menyokong anandaian yang disarankan oleh Teori Tipologi Holland (1973).

Teori Holland yang meramalkan hubungan antara personaliti, pemilihan kerjaya dan kepuasan kerja telah diuji oleh Gellatly, Paunonen, Meyer dan Jackson pada tahun 1991. Kajian telah dijalankan ke atas 114 orang pengurus unit. Keputusan kajian menunjukkan bahawa keberkesanan pengurusan dan kepuasan dapat diramal oleh keupayaan kognitif, personaliti dan minat kerjaya. Hasil daripada analisa yang dibuat menunjukkan bahawa keberkesanan pengurusan dan kepuasan kerja dapat diramal melalui keupayaan kognitif, personaliti dan minat kerjaya.

Gottfredson dan Holland (1990) telah menjalankan satu kajian longitudinal selama empat bulan tentang pengaruh keselarasan terhadap sekumpulan Juruwang Bank yang baru dilantik. Dalam tempoh dua minggu pertama latihan, mereka dinilai dari segi minat kerjaya, jangkaan terhadap kerja, penanggapan tentang alternatif-alternatif pekerjaan dan ciri-ciri personal lain. Data-data yang berkaitan dengan kepuasan kerja lain dikumpul empat bulan kemudian. Dalam kajian ini, Gottfredson dan Holland (1990) telah mengawal beberapa faktor seperti jantina, umur, gaji, penganggapan, alternatif-alternatif pekerjaan, jangkaan-jangkaan pekerjaan, tempoh menjawat jawatan dan jenis kerja. Dalam kajian ini alat ukuran VPI telah digunakan untuk mengukur minat kerjaya sementara alat ukuran Hopppock's Job Satisfaction Blank No. 5 (HJSB) dan Job Discriptive Index (JDI) digunakan untuk mengukur kepuasan kerja. Tiga skor tertinggi yang diperolehi daripada alat ukuran JDI digunakan bersama-sama dengan kod tiga huruf Holland untuk kerjaya juruwang iaitu CES (Gottfredson dan Holland 1989) untuk mendapatkan indeks keselarasan menggunakan kaedah yang disarankan oleh Iachan (1984). Berdasarkan kajian ini dapat disimpulkan bahawa keselarasan personality-persekitaran mempunyai kolerasi yang kuat dengan kepuasan kerja. Keselarasan VPI dengan kerjaya Juruwang bank yang dinilai dengan menggunakan indeks persekitaran Iachan berkolerasi sebanyak .36 dengan keseluruhan kepuasan kerja. Walaupun kolerasi ini tidak begitu tinggi, namun cukup tinggi dalam aplikasi praktikal (Holland 1990).

Selain itu, Fricko dan Bechr (1992) telah membuat kajian bagi melihat hubungan kongruen minat kerjaya dan pekerjaan dengan tahap kepuasan kerja. Mereka telah menggunakan seramai 253 orang graduan yang bekerja separuh masa. Kajian ini mengambil masa tujuh tahun di mana data-datanya diperolehi daripada sebuah universiti luar Negara. Kongruen minat dan persekitaran kerja telah diukur dengan menggunakan tiga jenis alat ukuran iaitu *Strong-Combelle Interest General Occupation Themes (SCII-GOT)*, kongruen sebenar (*Actual Or Constructed Congruens*) dan persepsi pekerja itu sendiri untuk melihat tahap kongruen atau keserasian di kalangan pelajar kolej. Hasil kajian menunjukkan bahawa alat kongruen sebenar dan persepsi pekerja telah melaporkan hubungan positif antara kongruen dan minat kerjaya dengan kepuasan kerja pada sampel kajian.

Seterusnya, Jagger dan Mc Auliffe (1992) menjalankan kajian ke atas 72 orang responden. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat hubungan antara tret personaliti dan pemilihan kerjaya dengan kepuasan kerja di kalangan pekerja-pekerja. Alat ukur yang digunakan ialah *Minnesota Satissfaction Questionnaire-Short Form*. Sementara itu tiga alat iaitu *Careers Assesment (CA)*, *Self Directed Search (SDS)* dan *Strong Invert Inventory* digunakan bagi mengukur pemilihan kerjaya dan tret personaliti. Sample kajian terdiri daripada 44 orang lelaki dan 28 orang perempuan yang telah bekerja selama 1-15 tahun. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara tret personaliti, pemilihan kerjaya dan kepuasan kerja. Justeru, pemilihan kerjaya dan minat kerjaya mempengaruhi kepuasan kerja secara keseluruhannya.

Menurut Anida Binti Tumiran (2000) , satu kajian yang telah dijalankan oleh Srivasta, Chaugan, Kumar dan Sen pada tahun 1994 ke atas anggota tentera di India. Hasil kajian menunjukkan bahawa pegawai tentera yang mempunyai kecelaruan dalam pekerjaan yang rendah mempunyai kepuasan kerja dan minat yang tinggi terhadap kerjaya yang diceburinya. Oleh itu, mereka menyimpulkan bahawa personaliti individu membawa implikasi yang besar ke atas kewujudan kecelaruan kerja dan kepuasan kerja.

Merujuk kepada kajian Schuttenberg, O'Dell dan Kzala (1990) telah menjalankan kajian bagi mengetahui hubungan antara jantina, jangkamasa perkhidmatan, jenis personaliti vokasional dan peranan jantina serta persepsi sendiri dengan aras kepuasan pekerjaan di kalangan 200 orang guru, 200 orang kaunselor, 200 orang pentadbir pembangunan. Guru-guru yang dipilih terdiri daripada pelajar sarjana yang mengambil program Pendidikan di Universiti Cleveland State. Kaunselor sekolah dan pentadbir pula dipilih secara rawak dari Daerah Utara Timur Ohio. Alat kajian yang digunakan ialah SDS dan Bem *Sex-Role Inventory BSR-t* dan *Chi Square* bagi membandingkan jangkamasa perkhidmatan dengan orientasi kerjaya social dan kelima-lima orientasi kerjaya lain. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa orientasi kerjaya social sangat dominant di kalangan guru, kaunselor dan pentadbir. Keseluruhan kajian menunjukkan bahawa 57% bidang kerjaya berkenaan

berorientasikan sosial di mana 51% adalah guru, 76% kaunselor sekolah dan 43% pentadbir pembangunan.

2.5.2 Kajian Dalam Negeri

Kajian dalam negeri telah dijalankan oleh Li Yee Wah (1999) ke atas sampel wartawan dan penulis untuk melihat kekongruenan personaliti-persekitaran berdasarkan teori perkembangan kerjaya Holland (1973). Kajian ini juga untuk menguji hubungan antara kongruen personaliti persekitaran dengan tahap kepuasa kerja. Responden terdiri daripada 71 orang wartawan dan penulis daripada The Star, The Edge, STN BHD, Radio dan Televisyen Malaysia dan Nat Seven Televisyen Sdn. Bhd. Keputusan kajian menunjukkan kongruen personaliti-persekitaran yang tinggi dan signifikan di kalangan sampel yang terlibat dengan min IK 5-56. Kajian gagal membuktikan hubungan yang signifikan antara kongruen personaliti-persekitaran dengan tahap kepuasan kerja di kalangan subjek kajian. Nilai kolerasi yang diperolehi adalah lemah dan tidak signifikan.

Selain itu, Sharajatu (1998) mengkaji tentang perbandingan personaliti jururawat bidang psikitari dan jururawat bidang lain serta mengkaji hubungannya dengan minat kerjaya dan kepuasan kerja. Sampel kajian terdiri daripada 100 orang jururawat hospital kerajaan. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan personaliti yang signifikan di kalangan jururawat. Kesepadanan personaliti dan minat kerja didapati mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan kepuasan kerja.

Sidek Mohd Noah (1996) pula telah menjalankan kajian untuk melihat samada wujud keselarasan antara jenis personaliti dengan bidang pengajian yang diikuti berdasarkan Teori Keselarasan Individu Persekitaran Holland di kalangan pelajar UPM. Kajian ini juga melihat hubungan antara keselarasan personaliti dengan

pencapaian akademik pelajar. Responden kajian terdiri daripada 40 orang pelajar yang dipilih secara rawak berlepas daripada 705 orang pelajar Tahun 1 mengikut kursus. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara jenis personaliti pelajar dengan pola persekitaran latihan. Keputusan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara keselarasan personaliti-persekitaran dengan pencapaian akademik. Teori keselarasan individu-persekitaran sesuai digunakan untuk mengukur ciri-ciri personaliti dan minat pelajar Malaysia.

Selain itu, Hanisah (1994) telah menjalankan kajian berkaitan dengan jenis personality kerjaya di kalangan guru. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis-jenis personaliti kerjaya di kalangan guru berdasarkan Teori Tiplogi Holland. Responden yang terlibat adalah seramai 52 orang guru yang dipilih secara rawak dari sebuah sekolah. Keputusan kajian menunjukkan bahawa guru lelaki mempunyai kod SEC dan guru perempuan mempunyai kod SCA. Kajian ini melihat bahawa semua guru mempunyai kod S yang paling dominan. Keputusan kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dan guru perempuan bagi jenis personaliti IASC. Hanya jenis E menunjukkan perbezaan yang signifikan. Keputusan kajian juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara guru lelaki dan perempuan dari segi minat terhadap profesyen perguruan. Kesimpulan yang boleh dibuat bahawa semua subjek mempunyai jenis personaliti sosial sebagai subjek yang paling dominan terhadap kerjaya mereka.

Sementara itu, Mastura (2004) telah menjalankan kajian bertujuan untuk meninjau bentuk pola personaliti-persekitaran serta tahap darjah kongruen di kalangan pelajar tahun tiga Fakulti Pendidikan, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Kimia dan Fakulti Kejuruteraan Sumber Asli di Universiti Teknologi Malaysia. Seramai 108 orang pelajar tahun tiga sesi 2003/2004 telah dipilih sebagai sampel kajian. Justeru, hasil kajian menunjukkan bahawa kod tiga huruf pengkaji bagi kursus Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)- (SHG) iaitu ESC mempunyai padanan yang baik dengan kod Holland iaitu ESC. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara

pencapaian akademik dengan darjah keserasian personaliti-persekitaran di kalangan pelajar bagi ketiga-tiga kursus yang dikaji.

2.7 Kesimpulan

Akhirnya, dapatlah disimpulkan bahawa bab ini telah menjelaskan tentang bidang tugas sample kajian melibatkan enam kerjaya agama terlibat iaitu Peguam Syar'ie, Khadi dan Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk, Pegawai Hal Ehwal Islam dan Penolong Pegawai Hal Islam, Pembantu Hal Ehwal Islam dan Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam serta Guru Agama. Pemahaman berkaitan bidang tugas dapat membantu pengkaji untuk melihat persekitaran kerja kerjaya agama yang dipilih. Hasil kajian luar negeri yang lepas berkaitan dengan pola personaliti-persekitaran dan kepuasan kerja menunjukkan bahawa wujud hubungan yang positif di antara personaliti, pemilihan kerjaya dan kepuasan kerja. Namun begitu, kajian di dalam negeri mempamerkan hasil hubungan yang positif dan ada juga kajian yang mendapat keputusan hubungan yang negatif.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang beberapa aspek yang berkaitan dengan metodologi yang digunakan dalam menjayakan kajian ini. Aspek-aspek tersebut melibatkan penjelasan mengenai reka bentuk kajian, tempat kajian dijalankan, populasi dan sample kajian, instrumen kajian dan kaedah menganalisis data kajian.

3.2. Reka bentuk Kajian

Jelasnya, Mohd Majid (1993) mengatakan bahawa reka bentuk kajian merupakan teknik tertentu yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam kajian. Proses mencari kebenaran dalam kajian ini dilihat dari sudut kuantitatif. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah tinjauan melalui soal-selidik bagi meninjau pola personaliti-persekitaran dan keserasian mengikut jantina, kelayakan akademik dan pengalaman responden yang terlibat. Aspek

hubungan keserasian personaliti-persekitaran dengan kepuasan kerja juga ditinjau ke atas enam kerjaya keagamaan iaitu Peguam Syari'e, Pegawai Tadbir Agama dan Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk, Pegawai Hal Ehwal Islam dan Penolong Hal Ehwal Islam, Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam), Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam (Bilal) serta guru-guru sekolah agama. Soal selidik ini telah ditadbir sendiri oleh penyelidik dengan cara mengedarkan soal selidik kepada ketua bagi responden masing-masing. Sementara itu, ketua akan mengedarkan soal selidik tersebut kepada responden lain yang terlibat. Penghantaran soal selidik melalui pos juga digunakan bagi responden yang banyak dan jauh. Surat penerangan mengandungi maklumat tentang tujuan, harapan, rayuan pengkaji dan kaedah melibatkan diri seperti kaedah menghantar balik maklumat kepada pengkaji. Pengkaji akan sertakan bersama soal selidik yang dihantar sekeping sampul surat berselem dan beralamat lengkap pengkaji untuk memudahkan proses menghantar balik borang. Borang soal selidik yang telah siap dijawab akan diposkan semula kepada pengkaji menggunakan sampul yang telah disertakan. Setelah tamat sesuatu jangkamasa dengan mengambil kira perjalanan surat dan maklum balas sampel (selalunya kurang daripada dua minggu), pengkaji perlu mengirim surat tambahan sebagai susulan dan rayuan pada mereka yang belum memberi maklum balas sahaja. Usaha ini dianggap penting supaya kaedah persampelan untuk mendapatkan data tidak menurun ke tahap paling rendah, iaitu persampelan sukarela. Sekiranya data hanya daripada yang memberi maklum balas sahaja yang dianalisis, ini sama seperti persampelan sukarela. Sampel suakrela adalah bias kerana mungkin diperolehi daripada satu golongan yang mempunyai latar belakang yang sama (Mohd Najib, 2003). Jelasnya, tinjauan menggunakan soal-selidik dipilih kerana ia merupakan kaedah yang paling mudah dan popular dalam penyelidikan (Mohd Najib , 2003) .

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan inferensi. Kajian berbentuk deskriptif melibatkan penerangan berkaitan kekerapan dan peratusan sesuatu kumpulan data dan kecenderungan memusat taburan skor menggunakan mod, median dan min. Hubungkait antara personaliti- persekitaran dengan kepuasan kerja dilihat menggunakan kaedah kolerasi.

Dalam kajian ini penyelidik akan melihat samada wujud hubungan keserasian personaliti-persekitaran dengan kepuasan kerja. Oleh kerana pembolehubah tidak bersandar tidak dapat diolah, maka pengkaji tidak berupaya untuk menyatakan bahawa terdapat hubungan sebab-musabab. Maka penekanan diberikan kepada sejauh manakah kekuatan hubungan antara kedua-dua pembolehubah.

3.3 Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di Kompleks Islam Johor, Jabatan Agama Islam Johor, Jabatan Kehakiman Johor Bahru, Sekolah Agama Universiti Teknologi Malaysia, Sekolah Agama Dato' Onn Jaafar, Sekolah Agama Pontian Besar, Sekolah Agama Benut, Sekolah Agama Bandar Renggam dan Sekolah Agama Simpang Renggam serta masjid-masjid kerajaan Negeri Johor (Rujuk Lampiran). Pemilihan bagi enam sekolah agama dipilih secara bertujuan untuk memudahkan pengkaji kerana berada berhampiran dengan tempat tinggal pengkaji. Bilangan enam sekolah tersebut mencukupi bagi mewakili sample kajian seramai 40 orang guru agama. Jumlah sekolah di dalam negeri Johor ialah 546 buah sekolah. Menurut Mohd. Najib (2003) manjelaskan persempelan tidak rawak merupakan pemilihan dibuat secara khusus. Pengkaji dengan sengaja memilih sample untuk memenuhi kehendak pengkaji, ini mungkin memudahkan pengkaji.

3.3.1 Populasi

Populasi kajian ini melibatkan bilangan keseluruhan bagi enam penjawat kerjaya keagamaan iaitu Peguam Syar'ie, Pegawai Tadbir Agama/ Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk, Pegawai Hal Ehwal Islam/ Penolong Hal Ehwal

Islam, Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam), Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam (Bilal) dan guru-guru agama. Skop kajian ini melibatkan penjawat kerjaya agama di Negeri Johor sahaja. Bilangan enam penjawat kerjaya agama ini ialah seramai 1832 orang. Ringkasan bilangan populasi kajian mengikut jawatan adalah seperti berikut :

Jadual 3.1 Ringkasan bilangan populasi kajian mengikut jawatan

Bil	Nama Jawatan	Jumlah Populasi
1.	Peguam Syar'ie Negeri Johor	74
2.	Pegawai Tadbir Agama/ Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk Negeri Johor (Khadi / Naib Khadi)	206
3.	Pegawai Hal Ehwal Islam / Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Negeri Johor	64
4.	Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam) Negeri Johor	44
5.	Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam (Bilal) Negeri Johor	42
6.	Guru Agama	1402
Jumlah		1832 orang

3.3.2 Sampel Kajian

Kaedah yang digunakan untuk memilih sampel ialah menggunakan rawak kelompok. Mengikut Mohd Najib (2003), rawak ini adalah berdasarkan rumpun kelompok populasi, tempat atau zon. pengkaji memilih sampel kajian secara rawak kelompok seramai 40 orang mengikut kelompok enam kerjaya keagamaan yang di kaji iaitu Peguam Syar'ie, Pegawai Tadbir Agama/ Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk, Pegawai Hal Ehwal Islam/ Penolong Hal Ehwal Islam, Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam), Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam (Bilal) dan guru-guru

agama. Pemecahan sampel yang diperlukan mengikut jawatan adalah seperti maklumat dalam jadual 3.2.

Jadual 3.2 Taburan responden : Mufti, Timbalan Mufti, Peguam Syar'ie, Pegawai Tadbir Agama, Naib Khadi, Pegawai Hal Ehwal Islam, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam dan guru-guru agama

Bil	Nama Jawatan	Jumlah Populasi	Sampel Terpilih
1.	Peguam Syar'ie Negeri Johor	74	40
2.	Pegawai Tadbir Agama/ Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk Negeri Johor (Khadi / Naib Khadi)	206	40
3.	Pegawai Hal Ehwal Islam / Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Negeri Johor	64	40
4.	Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam) Negeri Johor	44	40
5.	Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam (Bilal) Negeri Johor	42	40
6.	Guru Agama	1402	40
Jumlah		1832 orang	240 orang

3.4 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan melalui soalselidik. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C seperti huraian berikut :

- a) Bahagian A mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan jantina, kelayakan akademik dan pengalaman bekerja. Soalan-soalan ini

memberikan maklumat kepada pengkaji berkaitan peribadi dan latar belakang lapan perjawatan agama. Soalselidik ini mengandungi 7 item.

- b) Bahagian B soalselidik merupakan alat ukur Job Diskriptif Indeks (JDI) yang telah dibentuk oleh Smith, Kendall dan Hullin (1969) untuk mengukur gerak balas efektif kepuasan kerja yang khusus seperti keadaan pekerjaan itu sendiri (18 item), gaji (9 item), peluang kenaikan pangkat (9 item), kerja penyeliaan (18 item) dan rakan sekerja (18 item). Jumlah item bahagian B ialah 72 item.
- c) Bahagian C melibatkan alat ukur Self Directed Search (SDS-Form Easy oleh Amla (1984) bagi mengenalpasti minat kerjaya responden berdasarkan jenis personality-persekitaran. Kecenderungan diukur berdasarkan enam jenis personality Holland (RIASEC) melibatkan bahagian kesukaan (60 item), kecekapan (60 item) dan pekerjaan (72 item). Jumlah keseluruhan item Bahagian C ialah 192 item.

3.4.1 Skala Pemarkahan Job Diskriptif Index (JDI)

Instrumen JDI digunakankan oleh pengkaji kerana ia mudah difahami dan telah terbukti kesesuaiannya. Kenyataan ini telah disokong oleh Yager (1981) yang menyatakan bahawa sepanjang lapan tahun bermula 1970 hingga 1978 sebanyak tujuh jurnal telah dikeluarkan dan lebih lima puluh peratus artikelnya menggunakan instrumen JDI ini bagi mengukur kepuasan kerja.

Terdapat 72 soalan di dalam dimensi soalan yang disediakan. Ringkasan bilangan item dalam JDI bagi setiap dimensi dipamerkan dalam jadual berikut :

Jadual 3.3 : Pecahan item mengikut dimensi dalam alat ukur JDI

Dimensi	Bilangan item
Pekerjaan itu sendiri	18
Gaji	9
Peluang kenaikan pangkat	9
Penyeliaan	18
Rakan sekerja	18
Jumlah	72

Sumber : Smith, P.C Kendall dan Hullin (1969). "The Measurement of Satisfication in Work and Retirement." Chicago : Rand Mexlally

Berikut adalah pecahan item-item negatif dan positif dalam JDI

Jadual 3.4 : Pecahan item-item positif dan negatif mengikut dimensi pekerjaan itu sendiri

Dimensi	Positif	Negatif	Jumlah
Pekerjaan itu sendiri	1,3,5,6,7,9,10,12,13,18	2,4,8,11,15,16,17	
Jumlah	10	8	18

Jadual 3.5 : Pecahan item-item positif dan negatif mengikut dimensi gaji

Dimensi	Positif	Negatif	Jumlah
Gaji	1,2,5,8	3,4,6,7,9	
Jumlah	4	5	9

Jadual 3.6 : Pecahan item-item positif dan negatif mengikut dimensi peluang kenaikan pangkat

Dimensi	Positif	Negatif	Jumlah
Peluang kenaikan pangkat	1,3,7,8,9	2,4,5,6	
Jumlah	5	4	9

Jadual 3.7 : Pecahan item-item positif dan negatif mengikut dimensi penyelia

Dimensi	Positif	Negatif	Jumlah
Penyelia	1,4,5,6,7,10,13,15,16,17	2,3,8,9,11,12,14,18	
Jumlah	10	8	18

Jadual 3.8 : Pecahan item-item positif dan negatif mengikut dimensi rakan sekerja

Dimensi	Positif	Negatif	Jumlah
Rakan sekerja	1,4,6,7,8,11,15,17	2,3,5,9,10,12,13,14,16,18	
Jumlah	8	10	18

Jadual 3.9 : Pecahan item-item positif dan negatif mengikut dimensi secara keseluruhan

Dimensi	Positif	Negatif	Jumlah Item
Jumlah Keseluruhan	37	35	72

Cara pemarkahan bagi soal selidik JDI ialah berdasarkan Skala Likert 3 point. Bagi item positif skor 3 akan diberikan bagi jawapan setuju, skor 1 akan diberikan kepada jawapan tidak pasti dan skor 0 bagi jawapan tidak setuju. Manakala bagi item negative pemberian skor adalah sebaliknya. Skor bagi setiap item akan dijumlahkan untuk mendapat jumlah keseluruhan skor. Justeru, responden yang mendapat skor yang tinggi adalah mempunyai kepuasan yang tinggi. Cara pemberian skor JDI diringkaskan dalam jadual di berikut :

Jadual 3.10 : Skor bagi setiap item dalam JDI

Dimensi	Positif	Negatif
Setuju	3	0
Tidak Pasti	1	1
Tidak Setuju	0	3

3.4.2 Kebolehpercayaan Alat Ukur JDI

Berdasarkan kajian-kajian lalu, alat ukur JDI ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Smith Kendal dan Hulin (1969) mendapat kebolehpercayaan alat ukur ini berdasarkan nilai Cronbach Alpha 0.82. Gotterfredson (1990) mendapati nilainya 0.84 hingga 0.90. penemuan yang sama juga diperoleh oleh Johnson, Smith dan Tucker (1982) . Tetapi Schreider dan Dachler (1978) mendapati nilai kebolehpercayaan skala JDI adalah pada tahap sederhana tinggi iaitu ($r = 0.76$) Sementara itu Syed Hasan Bin Syed Abdul Rahman Al-Kaf (1997) mendapati nilainya 0.54-0.69. Selain itu, Wong See Kean (1992) mendapati kebolehpercayaan alat tersebut antara 0.77-0.85. Syed Mohamed Shafeq (1997) pula mendapati alat kajian ini mempunyai kebolehpercayaan antara 0.56-0.89.

3.4.3 Instrumen Self-Directed Search – Form Easy(SDS – Form Easy)

Holland (1958, 1965, 1977) pada asalnya menamakan alat ukur ini sebagai Vocational Preference Inventory (VPI). Alat ukur ini telah disesuaikan dalam bentuk boring mudah oleh Holland (1970,1985) dan dikenali sebagai Self Directed Search (SDS-Form Easy) (Holland, 1973). Alat ukur ini digunakan untuk mengukur minat kerjaya dan jenis-jenis personaliti. Skor –skor yang diperolehi boleh disusun dan dirumus mengikut skor yang paling tinggi hingga skor yang paling rendah iaitu yang membentuk kod tiga huruf (RIASEC). Justeru, melaluinya bidang-bidang pekerjaan yang sesuai dapat dipadankan berdasarkan kod-kod tersebut mengikut The Occupation Classification (Holland, 1972).

SDS ini mengandungi 10 soalan yang mengukur kesukaan Realistic (R), 10 soalan mengukur kesukaan INvestigatif (I), 10 soalan mengukur kesukaan Artistk (A),

10 soalan mengukur kesukaan social (S), 10 soalan mengukur kesukaan Enterprising (E) dan 10 soalan mengukur kesukaan Konvensional (K).

Selain itu, 10 soalan mengukur kecekapan Realistik (R), 10 soalan mengukur kecekapan Investigatif (I), 10 soalan mengukur kecekapan Artistik (A), 10 soalan mengukur kecekapan social (S), 10 soalan mengukur kecekapan Enterprising (E) , dan 10 soalan mengukur kecekapan Konvensional (K).

Jadual 3.11 : Pecahan item-item dalam alat ukur SDS

Bil	Dimensi	Bilangan item						Jumlah Item
		R	I	A	S	E	C	
1.	Kesukaan	10 item	10 item	10 item	10 item	10 item	10 item	60 item
2.	Kecekapan	10 item	10 item	10 item	10 item	10 item	10 item	60 item
3.	Pekerjaan	12 item	12 item	12 item	12 item	12 item	12 item	72 item
Jumlah		32 item	32 item	32 item	32 item	32 item	32 item	192 item

Petunjuk :

- R- Realistik**
- I- Investigatif**
- A- Artistik**
- S- Sosial**
- E- Enterprising**
- K- Konvensional**

3.4.4 Skor Manual Self – Directed Search – Form Easy

Skor manual ini adalah berdasarkan arahan manual SDS Form easy (Holland, 1973). Semua skala RIASEK diberi markah dengan cara mengembalikan semua respon “Y” . bagi respon “Y” diberi skor 1 manakala respon “T” diberikan skor 0. skor-skor ini dipindahkan ke dalam komputer dengan menggunakan perisian software SPSS-PC. Proses pemarkahan setiap skala untuk mendapatkan profil dan pola personality dinyatakan seperti di bawah :

Jadual 3.12 : Skala-skala bagi setiap sample dikategorikan mengikut subskala dan dijumlahkan seperti berikut

R	=	Kesukaan R	+	Kecekapan R	+	Pekerjaan R
I	=	Kesukaan I	+	Kecekapan I	+	Pekerjaan I
A	=	Kesukaan A	+	Kecekapan A	+	Pekerjaan A
S	=	Kesukaan S	+	Kecekapan S	+	Pekerjaan S
E	=	Kesukaan E	+	Kecekapan E	+	Pekerjaan E
K	=	Kesukaan K	+	Kecekapan K	+	Pekerjaan K

Selain itu, dinyatakan pemeringkatan skor tertinggi dan skor terendah bagi mendapatkan profil dan pola personaliti sampel kajian (Holland, 1985). Jadual berikut menunjukkan contoh skor-skor disusun dan dirumuskan mengikut kod tiga huruf .

Jadual 3.13 : Contoh Penggunaan Skor Kasar dan Sub Skala SDS-E

Sub Skala	Skala					
	R	I	A	S	E	K
Kesukaan	5	8	10	10	8	3
Kecekapan	5	8	10	10	4	3
Pekerjaan	10	8	2	6	4	4
Jumlah	20	24	22	26	16	10

Berdasarkan jadual 3.13 di atas, skor bagi setiap skala adalah seperti berikut :

R	=	20
I	=	24
A	=	22
S	=	26
E	=	16
K	=	10

Bersandarkan contoh di atas juga, rumusan skor-skor R (20), I (24), A (22), S (26), E(16), K (10) disusun mengikut pemeringkatan dan susunan dari skor yang tertinggi hingga skor yang terendah iaitu SIAREK. Hal ini menunjukkan bahawa skala sosial (S) adalah lebih dominant dan diikuti oleh Investigatif (I), Artistik (A), Realistik (R), Enterprising (E) dan yang terakhir Konvensional (K). Justeru, pengiraan bagi pola personaliti untuk kesemua sampel kajian kod 3 huruf yang dirumus berdasarkan contoh di atas ialah SIA. Jika terdapat “tie” di antara dua atau lebih skala-skala, maka kedudukan nilai “inter” atau “interclass” yang terdapat pada model heksagon segi enam Holland akan dirujuk untuk membentuk kod-kod seterusnya (lihat rajah 1). Contohnya sekiranya pengkaji memperoleh kod SIA atau SAI yang mempunyai jumlah yang sama pada kod I dan A maka kod tiga huruf yang terbentuk selepas mengambil kira nilai “inter” atau “interclass” ialah SAI. Bagi mendapatkan keseluruhan pola personaliti untuk kesemua sampel, taburan nilai min bagi setiap skala RIASEK diperolehi melalui pemprosesan data menggunakan software SPSS-PC.

3.4.5 Kebolehpercayaan dan Kesahan SDS – FORM EASY Versi Terjemahan Amla

Nilai kebolehpercayaan alat ukur SDS-Form Easy yang digunakan dalam kajian ini merupakan versi terjemahan Amla dengan menggunakan kaedah back

translation Amla (1992) telah menumpulkan data dari populasi pelajar-pelajar baru Universiti Kebangsaan Malaysia sesi 1987/1988. seramai 2231 orang dengan menggunakan kaedah “counter balance” untuk mendapatkan kesahanujian SPS yang telah diterjemahkan. Faktor principal dan analisis yang menggunakan putaran varima tidak digunakan untuk memperolehi struktur mudah yang dapat dianalogikan kepada enam jenis personality .nilai kebolehpercayaan adalah tinggi iaitu berada dalam julat 0.85 hingga 0.97 (Amla, 1992). Penyelidik –penyelidik tempatan yang menggunakan SDS-Form Easy versi terjemahan Amla dengan menggunakan kaedah alpa cronbach. Antaranya ialah Wan Hamzah (1993) yang mendapat nilai alpha tiga skala pada julat antara 0.93 hingga 0.96 dan nilai keseluruhannya ialah 0.98. Gan (1997) dalam kajiannya mendapati nilai alpha cronbach bagi item kesukaan 0.87, item kecekapan ialah 0.89. dari segi kesahan, beliau telah menggunakan kaedah analisis item (kolerasi item keseluruhan) iaitu melihat hubungan antara markah sesuatu item dengan markah keseluruhan dalam sub-skala masing-masing untuk mendapatkan nilai kesahan alat kajian. Item kesukaan berada dalam julat antara 0.19 hingga 0.51, item kecekapan dalam julat 0.21 hingga 0.63 dan item pekerjaan dalam 0.21 hingga 0.60.

Contoh kajian lain yang membuktikan kesahan alat kajian ini diringkaskan dalam jadual 3.14 :

Jadual 3.14 : Kebolehpercayaan SDS

Bil	Penyelidik	Kaedah	Nilai Kebolehpercayaan
1.	Amla Mohd Salleh (1992)	counterbalance	0.85-0.97
2.	Gan Mui Eng (1997)	Alpha Cronbach	0.87-0.93
3.	Wan Hamzah Wan Daud (1993)	Alpha Cronbach	0.92-0.96
4.	Anida Tumiran (2000)	Alpha Cronbach	0.88-0.91
5.	Kamariah Mohd Said (2000)	Alpha Cronbach	0.85-0.93
6.	Nooroziyana Abdul Jalil (2000)	Alpha Cronbach	0.89-0.92

3.4.6 Skala Pemarkahan Iachan Index

Indeks Kongruen Iachan (1984) digunakan untuk mengukur tahap darjah keserasian dan keselarasan. Indeks ini merupakan satu formula yang digunakan bagi mengira tahap darjah keserasian dengan membandingkan kod yang diperolehi oleh pengkaji dengan kod tiga huruf Holland. Nilai pemberatan skor *The Occupations Finder* (Holland, 1989). Kod tiga huruf Holland yang hamper menyamai perjawatan agama ialah ESI, SCE, SEC dan SCE.

Indeks Kongruen Iachan (1984) menjadi pilihan pengkaji kerana ia merupakan darjah ukur keserasian yang terkini, lengkap dan sesuai untuk mengukur kod dua dan tiga huruf dalam system klasifikasi (Holland, 1985). Selain itu Indeks Kongruen Iachan mempunyai kolerasi yang tinggi berbanding Indeks Kwak dan Pulvino iaitu $r=0.74$ (Miller dan Mark, 1992). Tambahan pula Indeks Kongruen Iachan merupakan pengukuran darjah yang tepat untuk digunakan dalam bidang penyelidikan.

Sebagai contoh Kod Holland = ASI

Kod Pengkaji = SAI

	A	S	I	} Kod Pengkaji
} Kod Holland	S	10	*10	
	A	*10	5	
	I	4	2	*1

SS = 10

AA = 10

II = 1

Jumlah Skor 21 (Nilai Darjah Kongruen)

Abjad pertama S berada pada nilai 10, abjad kedua A pada nilai 10 dan abjad ketiga I pada nilai 1. maka nilainya ialah 21. skor yang diperolehi merujuk kepada padanan darjah keserasian adalah pada tahap hampir padan.

Jadual 3.15 : Tahap indeks keserasian / darjah Kongruen berdasarkan Indeks Kongruen Iachan

Skor	=	Tahap darjah Keserasian
26-28	=	Padanan Baik
20-25	=	Hampir Padan
14-19	=	Hampir Tak Padan
< 13	=	Padanan yang Lemah

Oleh yang demikian hasil tambah nilai sebanyak 21 berada pada tahap indek kongruen hampir padan.

3.5 Analisis Data

Penganalisaan data kajian ini adalah menggunakan kaedah berkomputer iaitu *Statistical Packages for Scinces (SPSS)*. Dua peringkat penganalisaan data yang dilakukan oleh penyelidik ialah :

3.5.1 Statistik Deskriptif

Penganalisaan data Bahagian A yang melibatkan maklumat peribadi responden seperti jantina, jawatan dan tahap pendidikan diterangkan dalam bentuk

jadual yang menunjukkan kekerapan dan peratusan data yang terkumpul. Statistik deskriptif juga digunakan dalam analisis data Bahagian B untuk melihat pola personaliti responden. Kiraan min skor dan sisihan piawai turut digunakan dalam analisis data deskriptif kajian ini.

3.5.2 Statistik Inferensi

Dalam Bahagian B, kolerasi Pearson $-r$ digunakan untuk melihat hubungan antara pemboleh-ubah bersandar iaitu kepuasan kerja dan pemboleh-ubah tidak bersandar iaitu darjah kongruen personaliti-persekitaran. Indeks kolerasi akan menerangkan kekuatan dan arah antara kedua-dua pemboleh ubah yang diuji bagi hipotesis dalam kajian ini. Nilai P dirujuk untuk melihat samada mempunyai kolerasi yang tinggi atau rendah. Terdapat hubungan signifikan apabila $P < 0.05$. petunjuk kekuatan sesuatu pekali kolersi dirujuk dalam jadual. Nilai yang menghampiri 1.0 adalah sangat kuat dan nilai menghampiri 0 adalah sangat lemah berdasarkan skala yang dibentuk oleh Najib (1998).

Jadual 3.16 : Klasifikasi kekuatan kolerasi menurut Najib (1998)

Julat (+ atau -)	Kekuatan
0.00 hingga 0.20	Lemah dan boleh diabaikan
0.21 hingga 0.40	Lemah, rendah
0.41 hingga 0.60	Sederhana
0.61 hingga 0.80	Tinggi, kuat
0.81 hingga 1.0	Sangat kuat, sangat tinggi

3.6 Kesimpulan

Jelasnya, bab ini menyatakan kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam menyempurnakan kajian. Kajian ini menggunakan kaedah soal-selidik. Data kajian dianalisis dengan menggunakan statistic deskriptif dan inferensi. SPSS juga digunakan dalam kajian ini untuk memudahkan penganalisan data-data. Bagi menjawab hipotesis-hipotesis kajian, ujian-t dan pekali kolerasi 'r' digunakan dalam kajian.

BAB 4

KEPUTUSAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membentangkan hasil kajian yang diperolehi berdasarkan penganalisan data yang dilaksanakan ke atas responden kajian yang terdiri daripada penjawat kerjaya keagamaan iaitu Peguam Syarie, Pegawai Tadbir Agama dan Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk, Pegawai/Penolong Hal Ehwal Islam, Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam), Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam (Bilal) dan guru agama. Maklumat yang diperolehi dalam bentuk data telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Maklumat tersebut disusun dan dirumus untuk dipersembahkan dalam bentuk jadual dan sebagainya. Bahagian ini melaporkan analisis deskriptif latar belakang responden dan keputusan kajian selaras dengan objektif dan persoalan kajian yang telah dibuat.

Di dalam bab ini, keputusan kajian dibahagikan kepada

Bahagian A: Analisis deskriptif maklumat peribadi responden

Bahagian B: Analisis deskriptif keadaan pekerjaan sekarang

Bahagian C: THE SELF-DIRECTED SEARCH-FORM EASY

4.2 Analisis deskriptif maklumat peribadi responden

Beberapa aspek telah dilihat oleh pengkaji bagi menganalisis secara deskriptif maklumat peribadi responden. Maklumat-maklumat tersebut ialah aspek jantina, akademik dan pangkat.

4.2.1 Taburan Responden Mengikut Jantina**Jadual 4.2.1 Analisis taburan responden mengikut jantina**

Jawatan	Lelaki		Perempuan		Jumlah
	n	%	n	%	
Peguam Syarie	16	8.9	24	40.0	40 16.7%
Pegawai Tadbir Agama dan Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk	40	22.3	-	-	40 16.7%
Pegawai / Penolong Hal Ehwal Islam	29	16.2	10	16.7	40 16.7%
Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam)	40	22.3	-	-	40 16.7%
Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam (Bilal)	40	22.3	-	-	40 16.7%
Guru Agama	14	7.8	26	43.3	40 16.7%

Jumlah	179	100	60	100	
---------------	------------	------------	-----------	------------	--

Jadual 4.2.1 menunjukkan taburan bilangan responden dan peratusannya mengikut jantina. Bagi Peguam Syarie, jumlah semua responden ialah 40 orang dengan 16 orang (8.9%) lelaki dan 24 orang (40.0%) perempuan. Bagi Pegawai Tadbir Agama dan Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk, jumlah semua responden ialah 40 orang (16.7%) yang terdiri dari 40 orang (22.7%) lelaki. Bagi Pegawai / Penolong Hal Ehwal Islam, jumlah semua responden ialah 40 orang (16.3%) yang terdiri dari 29 orang (16.2%) lelaki dan 10 orang (16.7%) perempuan. Bagi Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam), jumlah semua responden ialah 40 orang (16.7%) yang terdiri dari 40 orang (22.3%) lelaki. Bagi Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam (Bilal), jumlah semua responden ialah 40 orang (16.7%) yang terdiri dari 40 orang (22.3%) lelaki. Bagi Guru Agama, jumlah semua responden ialah 40 orang (16.7%) yang terdiri dari 14 orang (7.8 %) lelaki dan 26 orang (43.3%).

4.2.2 Taburan Responden Mengikut Tahap Akademik

Jadual 4.2.2 Analisis taburan responden mengikut tahap akademik

Jawatan	Siswazah		Bukan Siswazah		Jumlah
	N	%	n	%	
Peguam Syarie	39	50.0	1	0.6	40 16.7%
Pegawai Tadbir Agama dan Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk	2	2.6	38	23.5	40 16.7%
Pegawai / Penolong Hal Ehwal Islam	32	31.0	8	4.9	40 16.7%
Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam)	3	5.1	37	22.8	40 16.7%
Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam (Bilal)			40	24.7	40 16.7%
Guru Agama	2	2.6	38	23.5	40 16.7%
Jumlah	78	100.0	162	100.0	240 100%

Jadual 4.2.2 menunjukkan taburan bilangan responden dan peratusannya mengikut tahap akademik. Bagi Peguam Syarie, jumlah semua responden ialah 40 orang (16.7%) yang terdiri dari 39 orang (50%) siswazah dan 1 orang (0.6%) bukan siswazah. Bagi Pegawai Tadbir Agama dan Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk, jumlah semua responden ialah 40 orang (16.7%) yang terdiri dari 2 orang (2.6%) siswazah dan 38 orang (23.5%) bukan siswazah. Bagi Pegawai / Penolong Hal Ehwal Islam, jumlah semua responden ialah 40 orang (16.7%) yang terdiri dari 32 orang (31%) siswazah dan 8 orang (4.9%) bukan siswazah. Bagi Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam), jumlah semua responden ialah 40 orang (16.7%) yang terdiri dari 3 orang (5.1%) siswazah dan 37 orang (22.8%) bukan siswazah. Bagi

Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam (Bilal), jumlah semua responden ialah 40 orang (16.7%) yang terdiri dari 40 orang (16.7%) bukan siswazah. Bagi Guru Agama, jumlah semua responden ialah 40 orang (16.7%) yang terdiri dari 2 orang (2.6%) siswazah dan 38 orang (23.5%) bukan siswazah.

4.2.3 Taburan Responden Mengikut Pangkat

Jadual 4.2.3 Analisis taburan responden mengikut pangkat

Jawatan	Pegawai Rendah		Pegawai Tinggi		Jumlah
	n	%	n	%	
Peguam Syarie			40	25.0	40 16.7%
Pegawai Tadbir Agama dan Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk			40	25.0	40 16.7%
Pegawai / Penolong Hal Ehwal Islam			40	25.0	40 16.7%
Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam)			40	25.0	40 16.7%
Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam (Bilal)	40	50.0			40 16.7%
Guru Agama	40	50.0			40 16.7%
Jumlah	80	100	160	100	240 100%

Jadual 4.2.2 menunjukkan taburan bilangan responden dan peratusannya mengikut pangkat. Bagi Peguam Syarie, jumlah semua responden ialah 40 orang (16.7%) yang terdiri dari 40 orang (25%) pegawai tinggi. Bagi Pegawai Tadbir

Agama dan Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk, jumlah semua responden ialah 40 orang (16.7%) yang terdiri dari 40 orang (25%) pegawai tinggi. Bagi Pegawai / Penolong Hal Ehwal Islam, jumlah semua responden ialah 40 orang (16.7%) yang terdiri dari 40 orang (25%) pegawai tinggi. Bagi Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam), jumlah semua responden ialah 40 orang (16.7%) yang terdiri dari 40 orang (25 %). Bagi Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam (Bilal), jumlah semua responden ialah 40 orang (16.7%) yang terdiri dari 40 orang (50.0%) pegawai rendah. Bagi Guru Agama, jumlah semua responden ialah 40 orang (16.7%) yang terdiri dari 40 orang (50.0%) pegawai rendah.

4.3 Taburan Responden Mengikut Pangkat

Jadual 4.3.1 Analisis min pola personaliti-persekitaran kerjaya agama mengikut jawatan

Jawatan	R	I	A	S	E	C	Kod Pengkaji
Peguam Syarie	7.03	10.03	13.63	20.98	15.43	21.70	CSE
Pegawai Tadbir Agama dan Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk	6.43	10.28	10.63	19.85	12.68	13.30	SCE
Pegawai / Penolong Hal Ehwal Islam	8.08	11.21	9.62	22.79	17.64	14.56	SEC
Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam)	7.59	8.05	6.71	20.10	13.88	12.10	SEC
Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam (Bilal)	10.78	6.28	3.73	18.85	13.18	9.98	SER
Guru Agama	8.33	10.75	10.30	20.73	12.65	14.13	SCE

1-Kod tiga huruf Holland yang paling dominan

2-Kod tiga huruf Holland yang ke dua dominan

3-Kod tiga huruf Holland yang ke tiga dominan

Jadual 4.3.1 menunjukkan empat jenis personaliti yang memperolehi min skor tertinggi bagi keenam-enam bidang kerjaya agama. Bagi Peguam Syarie, min skor tertinggi atau kod pengkaji yang diperolehi ialah C (21.70) , diikuti oleh S (20.98) dan E (15.43). Ini bermakna kod tiga Huruf Holland bagi Pegawai Syarie ialah CSE. Manakala min skor tertinggi atau kod pengkaji yang diperolehi oleh Pegawai Tadbir Agama dan Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk ialah S (19.85), diikuti oleh C (13.30) dan E (12.68). bermakna kod tiga Huruf Holland bagi Pegawai / Penolong Takbir Agama ialah SCE. Bagi Pegawai / Penolong Hal Ehwal Islam, , min skor tertinggi atau kod pengkaji yang diperolehi ialah S (22.79) , diikuti oleh E (17.64) dan C (14.56). Ini bermakna kod tiga Huruf Holland bagi Pegawai / Penolong Hal Ehwal Islam ialah SEC. Bagi Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam), min skor tertinggi atau kod pengkaji yang diperolehi ialah S (20.10) , diikuti oleh E (13.88) dan C (12.10). Ini bermakna kod tiga Huruf Holland bagi Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam) ialah SEC. Manakala Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam (Bilal), min skor tertinggi atau kod pengkaji yang diperolehi ialah S (18.85) , diikuti oleh E (13.18) dan R (10.78). Ini bermakna kod tiga Huruf Holland bagi Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam) ialah SER. Bagi Guru Agama, min skor tertinggi atau kod pengkaji yang diperolehi ialah S (20.73) , diikuti oleh C (14.13) dan E (12.65). Ini bermakna kod tiga Huruf Holland bagi Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam) ialah SCE.

4.3.2 Analisis Kod Tiga Huruf Pengkaji Berbanding Kod Tiga Huruf Holland

Jawatan	Kod Pengkaji	Kod Holland	Pekerjaan Terhampir
Peguam Syarie	CSE	ESI	Peguam
Pegawai Tadbir Agama dan Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk	SCE	SCE	Perunding
Pegawai / Penolong Hal Ehwal Islam	SEC	SEC	Pengurus
Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam)	SEC	SEC	Pengurus
Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam (Bilal)	SER	SEC	Pengurus
Guru Agama	SCE	SCE	Guru

Jadual 4.3.2 menunjukkan analisis kod tiga huruf pengkaji berbanding kod tiga huruf Holland. Bagi Peguam Syarie, kod pengkaji ialah CSE. Manakala tiga huruf kod Holland ialah ESI dengan mengambil pekerjaan terhampir iaitu Peguam. Di samping itu, Pegawai Tadbir Agama dan Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk, kod pengkaji ialah SCE. Manakala tiga huruf kod Holland ialah SCE dengan mengambil pekerjaan terhampir iaitu Perunding. Bagi Pegawai / Penolong Hal Ehwal Islam, kod pengkaji ialah SEC. Manakala tiga huruf kod Holland ialah SEC dengan mengambil pekerjaan terhampir iaitu Pengurus. Bagi Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam), kod pengkaji ialah SEC. Manakala tiga huruf kod Holland ialah SEC dengan mengambil pekerjaan terhampir iaitu Pengurus. Bagi Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam (Bilal), kod pengkaji ialah SER. Manakala tiga huruf kod Holland ialah SEC dengan mengambil pekerjaan terhampir iaitu Pengurus. Bagi Guru Agama, kod pengkaji ialah SCE. Manakala tiga huruf kod Holland ialah SCE dengan mengambil pekerjaan terhampir iaitu Guru.

4.3.3 Analisis Kod Tiga Huruf Pengkaji Berbanding Kod Tiga Huruf Holland

Item	Jawatan	Darjah Keserasian	Tahap
1	Peguam Syarie	5	Padanan yang lemah
2	Pegawai Tadbir Agama dan Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk	28	Padanan baik
3	Pegawai / Penolong Hal Ehwal Islam	28	Padanan baik
4	Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam)	28	Padanan baik
5	Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam (Bilal)	27	Padanan baik
6	Guru Agama	28	Padanan baik

Jadual ini menunjukkan analisis tahap darjah keserasian responden mengikut unit. Bagi Peguam Syarie, darjah keserasian ialah 5 dan dikategorikan sebagai padanan yang lemah. Selain itu, Pegawai / Penolong Tadbir Agama mempunyai darjah keserasian 28 dan dikategorikan sebagai hampir padanan baik. Di samping itu, Pegawai / Penolong Hal Ehwal Islam mempunyai darjah keserasian 28 dan dikategorikan sebagai hampir padanan baik. Bagi Pembantu Hal Ehwal Islam (Imam), darjah keserasian ialah 28 dan dikategorikan sebagai hampir padanan baik. Manakala Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam (Bilal), darjah keserasian ialah 27 dan dikategorikan sebagai hampir padanan baik. Sementara itu, Guru Agama mempunyai darjah keserasian 28 dan dikategorikan sebagai hampir padanan baik.

4.4 Hipotesis Kajian

4.4.1 Hubungan antara keserasian pola personaliti-persekitaran enam penjawat kerjaya keagamaan dengan kepuasan kerja

Ho : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara keserasian personaliti-persekitaran penjawat agama dengan kepuasan kerja

Jadual 4.4.1 Hubungan antara keserasian personaliti-persekitaran kerjaya peguam syar'ie dengan kepuasan kerja

Hubungan pembolehubah	R	p
keserasian personaliti-persekitaran kerjaya peguam syar'ie dengan kepuasan kerja	-2.32	0.562

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

Ho1 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keserasian personaliti-persekitaran kerjaya peguam syar'ie dengan kepuasan kerja.

Jadual 4.4.1. menunjukkan keputusan kajian hubungan antara keserasian personaliti-persekitaran kerjaya peguam syar'ie dengan kepuasan kerja. Analisis kolerasi Pearson menunjukkan bahawa nilai pekali kolerasi, r bagi kedua-dua pembolehubah tersebut ialah -2.32. Ini menunjukkan satu hubungan negatif yang sangat lemah wujud antara kedua-dua pembolehubah tersebut di mana jika darjah keserasian personaliti-persekitaran adalah tinggi, maka kepuasan kerja adalah rendah atau sebaliknya. Manakala, nilai signifikan, $p = 0.562$ adalah lebih besar daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05. Oleh demikian, hipotesis nol pertama adalah gagal ditolak. Maka, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perhubungan signifikan antara kepuasan kerja dengan darjah keserasian personaliti-persekitaran kerjaya peguam syar'ie.

Jadual 4.4.2 Hubungan antara keserasian personaliti-persekitaran kerjaya Pegawai Tadbir Agama/Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk dengan kepuasan kerja.

Hubungan pembolehubah	R	p
keserasian personaliti-persekitaran kerjaya Pegawai Tadbir Agama/Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk dengan kepuasan kerja.	-0.21	0.523

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

Ho2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keserasian personaliti-persekitaran kerjaya Pegawai Tadbir Agama/Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk dengan kepuasan kerja.

Jadual 4.4.2. menunjukkan keputusan kajian hubungan antara keserasian personaliti-persekitaran kerjaya Pegawai Tadbir Agama/Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk dengan kepuasan kerja. Analisis kolerasi Pearson menunjukkan bahawa nilai pekali kolerasi, r bagi kedua-dua pembolehubah tersebut ialah -0.21. Ini menunjukkan satu hubungan negatif yang sangat lemah wujud antara kedua-dua pembolehubah tersebut di mana jika darjah keserasian personaliti-persekitaran adalah tinggi, maka kepuasan kerja adalah rendah atau sebaliknya. Manakala, nilai signifikan, $p = 0.523$ adalah lebih besar daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05. Oleh demikian, hipotesis nol pertama adalah gagal ditolak. Maka, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perhubungan signifikan antara kepuasan kerja dengan darjah keserasian personaliti-persekitaran kerjaya Pegawai Tadbir Agama/Penolong Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk.

Jadual 4.4.3 Hubungan antara keserasian personaliti-persekitaran kerjaya Pegawai Hal Ehwal Islam dengan kepuasan kerja

Hubungan pembolehubah	R	p
keserasian personaliti-persekitaran kerjaya Pegawai Hal Ehwal Islam dengan kepuasan kerja	-4.32	0.362

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

Ho3 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keserasian personaliti-persekitaran kerjaya Pegawai Hal Ehwal Islam dengan kepuasan kerja

Jadual 4.4.3 menunjukkan keputusan kajian hubungan antara keserasian personaliti-persekitaran kerjaya Pegawai Hal Ehwal Islam dengan kepuasan kerja. Analisis kolerasi Pearson menunjukkan bahawa nilai pekali kolerasi, r bagi kedua-dua pembolehubah tersebut ialah -4.32. Ini menunjukkan satu hubungan negatif yang sangat lemah wujud antara kedua-dua pembolehubah tersebut di mana jika darjah keserasian personaliti-persekitaran adalah tinggi, maka kepuasan kerja adalah rendah atau sebaliknya. Manakala, nilai signifikan, $p = 0.362$ adalah lebih besar daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05. Oleh demikian, hipotesis nol pertama adalah gagal ditolak. Maka, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perhubungan signifikan antara kepuasan kerja dengan darjah keserasian personaliti-persekitaran kerjaya Pegawai Hal Ehwal Islam.

Jadual 4.4.4 Hubungan keserasian personaliti-persekitaran kerjaya Pembantu Hal Ehwal Islam dengan kepuasan kerja.

Hubungan pembolehubah	R	p
Keserasian personaliti-persekitaran kerjaya Pembantu Hal Ehwal Islam dengan kepuasan kerja.	-0.04	0.88

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

Ho4 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keserasian personaliti-persekitaran kerjaya Pembantu Hal Ehwal Islam dengan kepuasan kerja.

Jadual 4.4.4. menunjukkan keputusan kajian hubungan antara keserasian personaliti-persekitaran kerjaya Pegawai Hal Ehwal Islam dengan kepuasan kerja. Analisis kolerasi Pearson menunjukkan bahawa nilai pekali kolerasi, r bagi kedua-dua pembolehubah tersebut ialah -0.04 . Ini menunjukkan satu hubungan negatif yang sangat lemah wujud antara kedua-dua pembolehubah tersebut di mana jika darjah keserasian personaliti-persekitaran adalah tinggi, maka kepuasan kerja adalah rendah atau sebaliknya. Manakala, nilai signifikan, $p = 0.88$ adalah lebih besar daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05 . Oleh demikian, hipotesis nol pertama adalah gagal ditolak. Maka, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perhubungan signifikan antara kepuasan kerja dengan darjah keserasian personaliti-persekitaran kerjaya Pembantu Hal Ehwal Islam .

Jadual 4.4.5 Hubungan antara keserasian personaliti-persekitaran kerjaya Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam dengan kepuasan kerja

Hubungan pembolehubah	R	p
Keserasian personaliti-persekitaran kerjaya Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam dengan kepuasan kerja	-0.321	0.445

Signifikan pada aras $p \leq 0.05$

H_0 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keserasian personaliti-persekitaran kerjaya Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam dengan kepuasan kerja.

Jadual 4.4.5 menunjukkan keputusan kajian hubungan antara keserasian personaliti-persekitaran kerjaya Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam dengan kepuasan kerja. analisis kolerasi Pearson menunjukkan bahawa nilai pekali kolerasi, r bagi kedua-dua pembolehubah tersebut ialah -0.321 . Ini menunjukkan satu hubungan negatif yang sangat lemah wujud antara kedua-dua pembolehubah tersebut di mana jika darjah keserasian personaliti-persekitaran adalah tinggi, maka kepuasan kerja adalah rendah atau sebaliknya. Manakala, nilai signifikan, $p = 0.445$ adalah lebih besar daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05 . Oleh demikian, hipotesis nol pertama adalah gagal ditolak. Maka, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perhubungan signifikan antara kepuasan kerja dengan darjah keserasian personaliti-persekitaran kerjaya Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam.

Jadual 4.4.6 Hubungan antara keserasian personaliti-persekitaran kerjaya guru agama dengan kepuasan kerja.

Hubungan pembolehubah	R	p
